

Jenis Akhbar : MSN Online

Tarikh : 21/06/2022

Edisi / Muka Surat : <https://www.msn.com/>

Tajuk : **Datuk Kamarudin Ismail wakili Malaysia, dipilih sebagai Ahli Lembaga ICA**

Datuk Kamarudin Ismail wakili Malaysia, dipilih sebagai Ahli Lembaga ICA



Ahli Lembaga ANGKASA, Datuk Kamarudin Ismail mengekalkan kedudukannya selepas dipilih sebagai Ahli Lembaga Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) bagi penggal 2022 hingga 2026. NSTP/IHSAN ANGKASA

KUALA LUMPUR: Ahli Lembaga Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Datuk Kamarudin Ismail mengekalkan kedudukannya selepas dipilih sebagai Ahli Lembaga Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) bagi penggal 2022 hingga 2026.

Pemilihan melalui pengundian itu dibuat pada Perhimpunan Agung ICA 2022 di Seville, Sepanyol, hari ini, dengan seramai 15 ahli Lembaga dipilih untuk berkhidmat bagi tempoh empat tahun.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar, berkata pemilihan semula Kamarudin sebagai Ahli Lembaga di peringkat global mewakili Malaysia adalah satu penghormatan dan pengiktirafan untuk gerakan koperasi negara.

"Kejayaan ini menunjukkan Malaysia berjaya melahirkan tokoh koperasi di peringkat antarabangsa dan dengan adanya warga Malaysia dalam kepimpinan ICA, saya melihat akan wujudnya jambatan yang dapat menghubungkan koperasi di Malaysia dan koperasi di negara luar.

"Harapan saya koperasi tidak harus terikat dengan perniagaan berkisar dalam negara sahaja, malah perlu diperluas aktiviti dan terbabit dalam perdagangan antarabangsa selain penyumbang kepada aktiviti import dan eksport," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Terdahulu, Noh yang mengetuai delegasi koperasi Malaysia turut menghadiri Persidangan 'Cooperatives: The Moment Is Now!' yang diadakan pada Ahad lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pemantauan) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Datuk Mohammad Radhi Abdul Razak; Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Zazali Haron; Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Datuk Mohd Ali Mansor dan Presiden ANGKASA, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah.

Sementara itu, Abdul Fattah berkata, ANGKASA sentiasa memainkan peranan pada peringkat global bagi memastikan gerakan koperasi negara dikenali di luar negara.

"ANGKASA adalah ahli tetap ICA sejak 1972. Melalui ICA, ia memudahkan jalinan kerjasama antara koperasi dengan koperasi untuk meneroka sektor baharu dan meningkatkan jaringan perniagaan bagi menempatkan produk dan perkhidmatan koperasi di pasaran terbuka," katanya.